

## **Maklumat Komoditi : Dukung Anak**

## Maklumat Umum

### PENGENALAN

### CIRI-CIRI MORFOLOGI

Dukung anak ialah sejenis herba renek yang boleh meneapai ketinggian 50-70 cm. Batangnya berwarna hijau atau merah, bergantung kepada jenis. Daunnya kecil (2-3 mm panjang), berbentuk bulat lonjong dan berwarna hijau. Bunganya sangat kecil, berwarna kuning dan terbentuk di celah daun. Buahnya terdapat bawah setiap pelepah daun. Bahan aktif utama yang terdapat di dalam pokok dukung anak ialah filantin dan hipofilantin. Di Malaysia pada amnya terdapat tiga spesies dukung anak iaitu *P.niruri* (*P.amarus*), *P.urinaria* dan *P.debelis*. Secara tradisional, kesemua spesies ini digunakan. Mengikut pengamal perubatan tradisional, *P.debelis* dan *P. urinaria* lebih pahit berbanding dengan *P. niruri*. Kaum India lebih meminati *P. urinaria* berbanding dengan spesies lain. Walau bagaimanapun kebanyakan pengamal perubatan tradisional Melayu menggunakan *P. niruri*. Spesies ini juga digunakan oleh pengilang tumbuhan ubatan untuk menghasilkan ubatan bagi rawatan jaundis. Sifat utama spesies tersebut adalah seperti dalam *Jadual 1*. Antara tiga spesies tersebut, *P. Debelis* paling tinggi dan boleh mencapai sehingga 80 cm. *Phyllanthus urinaria* pula lebih renek dan tumbuh lebih melata di permukaan tanah. Warna batang dan daunnya pula merah kehijauan.

Jadual 1 : Perbandingan sifat pertumbuhan antara spesies dukung anak

Sifat pertumbuhan	Spesies dukung anak		
	<i>P. niruri</i>	<i>P. debelis</i>	<i>P. urinaria</i>
Tinggi pokok (cm)	50	65	35
Lebar kanopi (cm)	40	30	60
Warna daun	Hijau muda	Hijau tua	Merah kehijauan
Warna batang	Hijau muda	Hijau tua	Merah
Ranting	Sederhana padat	Jarang	Tumbuh padat

### KHASIAT DAN KEGUNAAN

Secara tradisi tumbuhan ini banyak digunakan dalam sistem perubatan Ayurvedik, Yunani, perubatan Cina dan Amerika Selatan untuk rawatan penyakit berkaitan buah pinggang seperti batu karang, malaria, asma, pelawas kencing, penambah selera makan dan penyakit yang berkaitan hati. Di Malaysia, tumbuhan ini banyak digunakan untuk rawatan kencing manis, darah tinggi, gigitan serangga berbisa, cirit-birit, gatal-gatal dan jaundis. Sejak akhir-akhir ini, kajian saintifik terhadap tumbuhan ini mula diberi perhatian khusus oleh para penyelidik memandangkan ia mempunyai sifat antivirus terutama virus hepatitis B.

## Kesesuaian Tanaman

### Kesesuaian Tanah

Tanaman Dukung Anak sesuai ditanam di kebanyakan jenis tanah di Malaysia. Pengurusan yang lebih rapi diperlukan sekiranya tanaman ini ditanam di tanah yang sederhana sesuai bagi mencapai potensi hasil yang menguntungkan. Sifat dan kesesuaian tanah bagi tanaman Dukung Anak adalah seperti di **Jadual 1**.

**Jadual 1: Sifat dan Kesesuaian Tanah bagi Tanaman Dukung Anak**

Sifat Tanah	Kesesuaian Tanah	
	Sesuai	Sederhana Sesuai
Kecerunan	0 - 6°	6 - 12°
Saliran	Tak sempurna salir hingga berada pada kedalaman : >50 cm dari permukaan.	Kurang salir hingga agak kurang salir. Paras naik turun air berada pada kedalaman 25-50 cm dari permukaan. Sangat salir. Keupayaan pegangan air tanah rendah.
Kedalaman tanah yang sesuai (ke lapisan padat/batu, asid sulfat)	> 50 cm	25 – 50 cm
Tekstur dan struktur	Kandungan liat : >18-35% atau kandungan liat : >35% dan tanah gembur.	Kandungan liat :10-18% atau Kandungan liat : >35% dan agak padat.
Kemasinan	<0.5 dS/cm (Sangat rendah)	0.5 - 1 dS/cm (Sangat rendah)

**Sumber:** Jabatan Pertanian, 2018

## Penyediaan Tanah

### Penyediaan kawasan

- Penyediaan kawasan merangkumi kerja-kerja pembersihan kawasan, pembajakan dan pembinaan batas.
- Tanah dibajak dan digemburkan untuk memberi keadaan fizikal yang baik untuk pembesaran pokok di samping mengurangkan populasi rumpai.
- Pengapuran hendaklah dilakukan bagi tanah masam tidak kurang dari 14 hari sebelum menanam.

## Pengairan Dan Saliran

- Dukung Anak memerlukan air yang mencukupi untuk pertumbuhan yang baik. Kekurangan air pada peringkat pertumbuhan vegetatif akan membantutkan pertumbuhan tanaman.
- Pengairan yang berlebihan pula, akan mendorong berlakunya larut lesap yang tinggi dan menyumbang kepada pembaziran bajaterutama di kawasan tanah berpasir.
- Terdapat beberapa kaedah pengairan yang boleh digunakan iaitu sistem pengairan renjis berputar (sprinkler), sistem pengairan alur dan sistem pengairan titis. Kaedah sistem pengairan ini bergantung kepada kesesuaian kawasan tanaman.

## Sistem Penanaman

### PENYEDIAAN BATAS DAN PENANAMAN

Dukung anak juga sensitif terhadap air bertakung. Justeru itu, sebaik-baiknya tanaman ini ditanam di atas batas dan lebar batas bergantung kepada sistem penanaman. Bagi batas berukuran 120 cm lebar (parit ke parit), 4 baris penanaman boleh diamalkan dengan jarak 30 cm di antara baris. Ketinggian batas bergantung kepada sistem saliran kawasan penanaman. Bagi tanah bris, ketinggian batas yang disyorkan ialah 25-30 cm.

Sebelum pemasangan sungkupan plastik, pita titis hendaklah dipasang di setiap baris tanaman. Pemasangan sungkupan plastik penting bagi memastikan produk tanaman yang dihasilkan tidak mudah tercemar dengan tanah atau pasir diperingkat penuaian. Dukung anak dituai dengan memotong keseluruhan tanaman pada aras tanah. Jarak tanaman yang disyorkan ialah 30 cm x 20cm dan akan menghasilkan populasi tanaman sebanyak 83,000 pokok/ha.

## Sistem Pembajaan

tiada maklumat untuk dipaparkan

## Penuaian

### PENGENDALIAN LEPAS TUAI

Pertumbuhan tanaman yang baik di ladang tidak menjamin kualiti dan hasil yang tinggi jika penuaian dan pengendalian lepas tuai tidak dijalankan dengan sempurna. Penuaian dan pengendalian yang sempurna dapat memastikan prestasi ladang yang baik dapat dikekalkan. Penurunan hasil dan seterusnya pengurangan pulangan kepada pengusaha boleh disebabkan oleh dua faktor utama iaitu kehilangan fizikal seperti tercicir dan rosak atau penurunan kualiti seperti penurunan kandungan bahan aktif bahan tanaman tersebut. Tanaman dukung anak yang dituai hendaklah dikeringkan secepat mungkin bagi mengelakkan penurunan kualiti. Beberapa sistem boleh digunakan untuk mengeringkan dukung anak. Bagi penanaman secara kecil-kecilan, dukung anak boleh dikeringkan dengan menjemur di kawasan teduh atau di bawah struktur pelindung hujan. Dalam keadaan cuaca yang baik, hasil dukung anak yang dituai didapati kering selepas 3 hingga 4 hari di dalam struktur pelindung hujan. Bagi pengeluaran secara komersial pula, pengeringan dengan menggunakan ketuhar komersial atau rumah pengeringan berasaskan ban pengeringan tembakau boleh digunakan.

Bagi memudahkan pengendalian dan penyimpanan bahan kering, pengeringan hendaklah dijalankan sehingga kandungan air ke tahap kurang daripada 10%. Jika ban pengawetan tembakau atau ketuhar komersial digunakan, suhu pengeringan hendaklah tidak melebihi 40°C. Bahan tanaman yang telah dikeringkan perlu disimpan di dalam bekas kedap udara.

## Varieti

Bil.	Varieti
1	Tiada